JOURNAL OF ETHNIC AND DIVERSITY STUDIES (JOEDS)
eISSN: 2948-4804

Partisipasi Politik Belia: Cabaran Mutahir Demokrasi di Malaysia

Youth Political Participation: Contemporary Challenges of Democracy in Malaysia

Muhammad Ferhad Azuar[1*], Kartini Aboo Talib @ Khalid[1,2,3]
[1]Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
[2]Chair of Malaysian Studies, Victoria University of Wellington, New Zealand
[3]Research Fellow, Faculty of Arts & Social Sciences, Universiti Malaya, Malaysia

Muhammad Ferhad Azuar (*Penulis Koresponden)
Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
p120335@siswa.edu.my

ABSTRACT

This paper presents a narrative literature review of youth political engagement in elections, examining both formal and informal modes of participation internationally and within Malaysia. Drawing on existing scholarship, the review synthesises key factors influencing youth engagement, including political education, social media use, and personal and socio-economic incentives. Formal political education can develop young people's understanding of elections and political participation, while social media provides an alternative space for expressing political perspectives beyond conventional institutions. However, youth engagement is constrained by negative perceptions of political institutions as unresponsive to their concerns, as well as psychological barriers such as political apathy and scepticism about the capacity of political participation to generate meaningful change. Although digital politics has become increasingly prominent among young people, many remain alienated from established political institutions. Socio-economic constraints, including limited financial resources and employment opportunities, particularly among rural youth, further restrict participation in formal politics. Government legislation that limits political freedoms, including the right to assemble, also represents a significant barrier. Based on these findings, the paper advocates more comprehensive and inclusive measures to strengthen youth political engagement in Malaysia. These measures include reforming political education, reducing bureaucratic barriers, safeguarding political freedoms, and using digital media more effectively to facilitate meaningful and sustained youth participation.

Keywords: *Youth Participation; Democracy; Perception; Digital Media; Malaysia*

ABSTRAK

Artikel ini merupakan satu ulasan literatur naratif yang mensintesis kajian sedia ada mengenai partisipasi politik belia di peringkat antarabangsa dan Malaysia, khususnya dalam konteks pilihan raya, termasuk bentuk-bentuk partisipasi formal dan tidak formal yang melibatkan generasi muda. Ulasan ini mengenal pasti beberapa faktor utama yang

https://doi.org/10.17576/joeds-2026-0402-19
Article History: Received: 31 May 2026 | Accepted: 29 September 2026 | Published: 1 December 2026

dibincangkan dalam literatur sebagai mempengaruhi keterlibatan belia dalam politik, seperti pendidikan politik, penggunaan media sosial, serta pengaruh motivasi peribadi dan sosio-ekonomi. Media sosial, khususnya, dibincangkan sebagai platform alternatif penting bagi belia untuk menyuarakan pandangan politik mereka di luar kerangka tradisional, manakala pendidikan politik formal dilihat membantu membentuk kesedaran awal mereka terhadap kepentingan pilihan raya dan politik. Ulasan ini turut merumuskan cabaran-cabaran yang menghalang keterlibatan politik belia sebagaimana dilaporkan dalam kajian lepas, termasuk persepsi negatif terhadap institusi politik yang dilihat kurang responsif terhadap isu-isu yang dihadapi oleh generasi muda. Di samping itu, halangan psikologi, seperti sikap apati politik dan kepercayaan bahawa penglibatan politik tidak akan membawa perubahan yang signifikan, turut dibincangkan sebagai faktor yang menyumbang kepada penarikan diri politik dalam kalangan belia. Literatur yang dikaji turut menunjukkan bahawa politik digital menjadi bentuk partisipasi yang semakin popular dalam kalangan belia, walaupun mereka sering terasing daripada struktur politik formal. Selain itu, kekangan sosio-ekonomi seperti kurangnya akses kepada sumber kewangan dan peluang pekerjaan, terutamanya di kalangan belia luar bandar, dilaporkan membatasi penglibatan aktif mereka dalam politik formal. Tekanan dari pihak berkuasa melalui undang-undang yang mengehadkan kebebasan politik belia, seperti sekatan terhadap kebebasan berhimpun, turut dikenal pasti sebagai halangan utama. Berdasarkan sintesis ini, artikel ini menghujahkan keperluan untuk strategi yang lebih komprehensif dan inklusif bagi meningkatkan partisipasi politik belia di Malaysia. Pembaharuan dalam dasar pendidikan politik, pengurangan halangan birokratik, serta penggunaan media digital secara lebih efektif dicadangkan sebagai langkah penting untuk membina keterlibatan politik yang lebih bermakna dalam kalangan generasi muda

Kata kunci: *Partisipasi Belia; Demokrasi; Persepsi; Media Digital; Malaysia*

PENGENALAN

Keterlibatan belia dalam proses pilihan raya merupakan aspek kritikal yang menentukan keberhasilan dan keberkesanan demokrasi. Dalam dekad terakhir, terdapat perubahan signifikan dalam cara generasi muda berinteraksi dengan politik dan institusi politik, dipengaruhi oleh perubahan demografi dan kemajuan teknologi. Fenomena ini telah mencipta cabaran baru serta peluang dalam memastikan suara generasi muda didengar dan diwakili. Walau bagaimanapun, terdapat jurang yang ketara dalam pemahaman kita mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi partisipasi politik belia, khususnya di Malaysia. Adakah perubahan ini mencerminkan minat yang berkurang atau sekadar perubahan dalam cara belia terlibat secara politik. Tanpa pemahaman yang jelas, sukar untuk merumuskan dasar yang efektif.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan dan pengaruh belia dalam pilihan raya dengan memberi tumpuan kepada faktor seperti pendidikan politik, pengaruh media sosial, dan persepsi mereka terhadap sistem politik. Kajian ini juga akan menilai inisiatif yang telah dijalankan untuk meningkatkan penglibatan belia dalam politik. Tinjauan ini berfokus kepada faktor utama yang mempengaruhi keterlibatan belia dalam politik, termasuk bagaimana media sosial dan pendidikan politik memainkan peranan dalam partisipasi belia. Selain itu, kajian ini meneliti cabaran utama yang dihadapi oleh belia dalam penglibatan politik dan cara-cara untuk mengatasi cabaran-cabaran tersebut. Memahami pengalaman, cabaran, dan motivasi belia dalam konteks pilihan raya adalah penting untuk membina strategi yang lebih efektif bagi meningkatkan partisipasi dan perwakilan mereka dalam proses demokrasi. Ini bukan sahaja penting untuk masa depan politik belia, tetapi juga untuk memastikan kestabilan dan keberkesanan sistem demokrasi secara keseluruhan di Malaysia dan khususnya di Johor.

Dalam sorotan kajian lepas, fokus utama adalah untuk menganalisis peranan dan pengaruh belia dalam pilihan raya, dengan meneroka bagaimana generasi muda menginterpretasi dan melibatkan diri dalam politik. Kajian ini penting, terutama dalam konteks perubahan demografi dan teknologi yang pantas, yang telah mengubah landskap politik dan cara belia berinteraksi dengan institusi politik. Tinjauan ini akan melibatkan penelitian mendalam mengenai berbagai aspek terkait keterlibatan belia dalam pilihan raya. Ini termasuk analisis terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat dan partisipasi politik belia, seperti pendidikan politik, pengaruh media sosial, dan persepsi mereka terhadap sistem politik. Selain itu, penelitian ini juga akan merungkai dasar-dasar dan inisiatif yang dirancang untuk meningkatkan penglibatan politik di kalangan generasi muda. Dengan memahami pengalaman, cabaran, dan motivasi belia dalam konteks pilihan raya, tinjauan ini berusaha memberikan pandangan tentang cara-cara efektif untuk meningkatkan partisipasi dan perwakilan belia dalam proses demokrasi.

Hal ini sangat penting untuk memastikan bahawa suara generasi muda didengar dan diwakili dalam pembuatan dasar, yang pada akhirnya akan mempengaruhi masa depan politik dan sosial negara. Penglibatan belia dalam pilihan raya di Amerika Syarikat telah menjadi topik penting dalam kesusasteraan politik. Penyelidikan menunjukkan bahawa golongan muda memainkan peranan penting dalam membentuk keputusan pilihan raya, terutamanya dalam konteks politik yang semakin bertentangan. Penglibatan mereka sering dipengaruhi oleh isu kontemporari seperti perubahan iklim, keadilan sosial, dan ekonomi khususnya generasi melenia. Generasi Melenial yang lahir selepas tahun 1980 adalah Milenial yang membentuk generasi pertama yang mencapai umur dalam alaf baru, dan di Amerika Syarikat mereka adalah generasi paling ramai penduduk iaitu 24 peratus daripada populasi AS. Mereka juga mungkin merupakan generasi yang paling berpendidikan di Negara tersebut. Orientasi ke arah aktiviti politik atau sivik dilihat sebagai salah satu subjektiviti tersendiri yang tertanam dalam potret generasi sosial Milenial. Daripada analisis sosiologi timbul imej generasi baharu yang ketinggalan daripada generasi lama dari segi minatnya dalam kerajaan dan politik.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan ulasan literatur naratif (*narrative literature review*) untuk mensintesis dan mengintegrasikan dapatan kajian sedia ada mengenai partisipasi politik belia, dengan tumpuan khusus kepada konteks pilihan raya di Malaysia berbanding senario antarabangsa. Pendekatan ini dipilih kerana matlamat kajian adalah untuk membina pemahaman konseptual yang menyeluruh mengenai faktor, cabaran, dan *trend* partisipasi politik belia merentasi pelbagai konteks negara, dan bukan untuk menguji hipotesis tertentu melalui pengumpulan atau analisis data primer. Justeru, kajian ini tidak mengandungi Bahagian Dapatan yang berasingan; perbincangan dan sintesis dibentangkan secara bersepadu dalam bahagian-bahagian tematik berikutnya.

Ulasan ini mensintesis sejumlah 41 sumber akademik dan rasmi, terdiri daripada artikel jurnal berwasit, buku ilmiah, laporan dasar rasmi (contohnya laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan Kesatuan Eropah), serta penerbitan institusi belia kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan topik pilihan raya, belia, dan partisipasi politik. Sumber-sumber ini merangkumi penerbitan dari tahun 2012 hingga 2025, di samping beberapa rujukan asas yang lebih awal (contohnya Verba, Schlozman & Brady, 2018) yang digunakan khusus untuk tujuan konseptual dan teori. Pemilihan sumber dipandu oleh relevansi langsung kepada tema-tema utama kajian ini, sebagaimana dihuraikan dalam kriteria inklusi di bawah, dan bukan hasil daripada carian pangkalan data berstruktur dengan protokol carian formal yang direkodkan.

Skop kajian ditetapkan berdasarkan tiga pertimbangan umum: (i) keberkaitan langsung sumber dengan partisipasi atau penglibatan politik belia/pengundi muda; (ii) ketersediaan sumber dalam bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu yang boleh diakses sepenuhnya (*full text*); dan (iii) liputan sumber terhadap sekurang-kurangnya satu daripada tema utama kajian ini, iaitu pendidikan politik, media sosial/digital, faktor sosio-ekonomi, atau halangan dasar/institusi. Sumber yang tertumpu semata-mata kepada partisipasi politik golongan dewasa tanpa rujukan khusus kepada belia, atau yang tidak berkaitan dengan konteks pilihan raya dan demokrasi, tidak dimasukkan dalam perbincangan. Kajian ini juga memberi penekanan kepada literatur pasca Akta Belia 2019 dan pindaan Undi18 (2021), memandangkan kedua-dua pembangunan dasar ini menandakan perubahan penting dalam landskap partisipasi politik belia di Malaysia.

Bagi statistik rasmi kadar keluar mengundi PRU14 dan PRU15 telah dirujuk dalam kajian ini, sumber utama adalah penerbitan dan kenyataan rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR, 2023). Angka-angka ini turut disemak silang dengan penerbitan akademik lain yang merujuk sumber rasmi yang sama (contohnya Mohd Mahadee Ismail et al., 2023) bagi meningkatkan ketekalan pelaporan statistik.

KERANGKA TEORI

Bagi menyusun perbincangan secara lebih analitikal, kajian ini menggunakan model *civic voluntarism* (Verba, Schlozman & Brady, 2018) sebagai kerangka konseptual utama, disokong oleh konsep *political efficacy* (keberkesanan politik peribadi). Model *civic voluntarism* mencadangkan bahawa penglibatan politik seseorang individu ditentukan oleh tiga faktor utama, iaitu sumber (*resources*) seperti masa, wang, dan kemahiran sivik; motivasi psikologi seperti minat politik dan rasa kewajipan sivik; dan rangkaian rekrutmen (*recruitment networks*) seperti ajakan daripada keluarga, rakan, institusi pendidikan, atau parti politik.

Kerangka ini digunakan secara konsisten untuk menyusun perbincangan sepanjang kajian: dimensi "sumber" menjelaskan halangan sosio-ekonomi dan geografi (contohnya kekurangan sumber kewangan dan akses maklumat di kalangan belia luar bandar); dimensi "motivasi psikologi" menjelaskan fenomena *political apathy* dan persepsi ketidakberkesanan politik peribadi (*political efficacy* yang rendah) yang dibincangkan dalam Bahagian Cabaran Politik Belia; manakala dimensi "rangkaian rekrutmen" menjelaskan peranan pendidikan politik formal, media sosial, dan mobilisasi digital sebagai saluran alternatif rekrutmen politik belia apabila saluran konvensional (parti politik, institusi negara) dilihat kurang responsif. Dengan menggunakan kerangka ini secara konsisten, kajian ini menghubungkan pelbagai penemuan literatur yang sebelum ini dibincangkan secara berasingan kepada satu struktur analitikal yang koheren.

DEFINISI DAN KONSEP ASAS PILIHAN RAYA, BELIA DAN PARTISIPASI POLITIK

Pilihan raya merupakan salah satu komponen utama dalam sistem demokrasi yang memberi peluang kepada rakyat untuk memilih wakil mereka dalam kerajaan. Proses ini adalah mekanisme penting untuk memastikan bahawa rakyat mempunyai suara dalam pembentukan dasar dan pentadbiran negara. Pilihan raya yang dilaksanakan dengan adil dan telus adalah asas kepada keberkesanan demokrasi, di mana setiap undi mempunyai kesan langsung terhadap hala tuju politik sesebuah negara.

Di peringkat global, terdapat pelbagai jenis sistem pilihan raya yang diamalkan, yang masing-masing membawa implikasi yang berbeza terhadap proses demokrasi. Sistem majoriti

mudah, yang juga dikenali sebagai *First-Past-The-Post*, adalah sistem yang paling biasa digunakan, terutamanya di negara-negara seperti United Kingdom dan India (Grofman, 2016). Dalam sistem ini, calon yang memperoleh undi terbanyak di sesuatu kawasan pilihan raya akan memenangi kerusi tersebut, tanpa mengambil kira sama ada majoriti mutlak dicapai atau tidak. Selain itu, terdapat juga sistem perwakilan berkadar yang berfungsi untuk memastikan kerusi dalam badan perundangan diagihkan berdasarkan peratusan undi yang diperoleh oleh parti-parti politik. Sistem ini memberi peluang kepada parti-parti kecil untuk memperoleh kerusi dan mengelakkan monopoli oleh parti-parti besar, seperti yang dapat dilihat dalam amalan pilihan raya di beberapa negara Eropah. Di samping itu, sistem pilihan raya campuran menggabungkan elemen-elemen dari sistem majoriti mudah dan perwakilan berkadar. Dalam sistem ini, pengundi biasanya diberikan dua undi, satu untuk calon di kawasan mereka dan satu lagi untuk parti politik, seperti yang diamalkan di Jerman dan New Zealand (Farrell, 2019; Lijphart, 2012; Grofman, 2016).

Di Malaysia, sistem pilihan raya yang diamalkan adalah sistem majoriti mudah, di mana calon yang memperoleh undi terbanyak akan memenangi kerusi di Dewan Rakyat di peringkat Persekutuan dan Dewan Undangan Negeri di peringkat negeri. Sistem ini diuruskan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) yang ditubuhkan di bawah Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan. SPR bertanggungjawab memastikan pilihan raya dijalankan dengan adil, telus, dan selaras dengan peruntukan undang-undang yang ditetapkan. Selain itu, SPR juga dipandu oleh Akta Pilihan Raya 1958 dan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang mengatur aspek-aspek penting dalam proses pilihan raya di Malaysia, termasuk pendaftaran pengundi, kempen pilihan raya, dan penentuan kawasan pilihan raya.

Belia merupakan satu kelompok demografi yang penting dalam masyarakat, yang sering menjadi tumpuan dalam kajian-kajian berkaitan pembangunan sosial, ekonomi, dan politik. Di peringkat global, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan belia sebagai individu yang berumur antara 15 hingga 24 tahun (United Nations, 2020). Pelbagai kajian antarabangsa sering menggunakan definisi ini untuk menyelaraskan data mengenai belia dan memastikan perbandingan yang tepat antara negara-negara (Kitanova, 2020). Namun begitu, definisi belia boleh berbeza mengikut konteks negara dan budaya, dengan beberapa negara menetapkan had umur yang lebih tinggi atau lebih rendah bergantung kepada keadaan sosial dan politik setempat.

Di Amerika Syarikat, belia sering kali ditakrifkan sebagai individu yang berumur antara 18 hingga 35 tahun, terutamanya dalam konteks politik dan ekonomi. Generasi milenia yang merupakan sebahagian daripada kelompok belia ini, memainkan peranan yang penting dalam corak pengundian dan politik negara tersebut (Dalton, 2020). Sementara itu, di United Kingdom, belia biasanya merujuk kepada individu yang berumur antara 16 hingga 30 tahun (Office for National Statistics [ONS], 2023), dengan tumpuan khusus diberikan kepada kumpulan umur ini dalam dasar-dasar pembangunan belia dan pendidikan. Di Finland, had umur belia ditetapkan antara 15 hingga 29 tahun (Ministry of Education and Culture Finland, 2020; Pirkkalainen & Husu, 2020), selari dengan pendekatan negara tersebut dalam menangani isu-isu kesihatan mental dan pekerjaan di kalangan generasi muda. Menurut Instituto Português do Desporto e Juventude (IPDJ) di Portugal, definisi belia meliputi individu berumur antara 15 hingga 30 tahun (Instituto Português do Desporto e Juventude, 2018), kelompok ini dianggap sebagai penentu utama dalam arah aliran politik dan sosial negara tersebut (Sloam, 2016).

Dalam konteks Eropah, definisi belia sering kali diselaraskan dengan peraturan-peraturan Kesatuan Eropah yang menetapkan belia sebagai mereka yang berumur antara 15 hingga 30 tahun (European Commission, 2018; Wallace & Bendit, 2009). Definisi

ini digunakan untuk tujuan dasar pembangunan belia serta program-program pendidikan dan latihan vokasional. Negara-negara serantau di Asia Tenggara juga mempunyai definisi yang berbeza bagi belia. Sebagai contoh, di Singapura, belia ditakrifkan sebagai mereka yang berumur antara 15 hingga 35 tahun (National Youth Council Singapore, 2024; Zhang, 2022), sementara di Indonesia, belia meliputi individu yang berumur antara 16 hingga 30 tahun (Republik Indonesia, 2009; Wahyuningroem et al., 2024).

Di Malaysia, definisi belia telah mengalami beberapa perubahan dari semasa ke semasa. Pada asalnya, belia di Malaysia ditakrifkan sebagai individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun (Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668]). Namun, selaras dengan usaha untuk menyelaraskan definisi ini dengan piawaian antarabangsa serta untuk memodenkan dasar-dasar pembangunan belia, Akta Belia 2019 telah meminda had umur maksimum belia kepada 30 tahun. Pindaan ini dibuat dengan tujuan untuk memastikan golongan belia yang sebenar menerima manfaat daripada dasar-dasar kerajaan yang dirancang khusus untuk mereka, serta untuk meningkatkan keberkesanan program-program pembangunan belia di negara ini. Perkembangan kefahaman mengenai demokrasi dan pilihan raya dalam kalangan generasi muda turut dipengaruhi oleh perubahan landskap politik Malaysia pasca PRU14 yang meningkatkan minat serta kesedaran politik belia terhadap proses demokrasi.

Partisipasi politik merujuk kepada tindakan atau aktiviti yang dilakukan oleh individu atau kumpulan untuk mempengaruhi proses politik, terutama dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan polisi negara. Aktiviti ini melibatkan pelbagai bentuk penyertaan, sama ada secara langsung melalui pengundian dan pencalonan dalam pilihan raya, ataupun secara tidak langsung melalui demonstrasi, petisyen, atau penggunaan media sosial untuk menyuarakan pandangan (Theocharis & van Deth, 2016).

Terdapat pelbagai bentuk partisipasi politik yang diakui dalam kajian-kajian sains politik. Bentuk yang paling lazim adalah partisipasi konvensional, yang melibatkan aktiviti formal seperti mengundi, menjadi ahli parti politik, atau menyertai kempen pilihan raya. Bentuk ini dianggap sebagai cara yang sah untuk terlibat dalam proses politik, dan ia biasanya diinstitusikan melalui undang-undang dan peraturan (Ekman & Amnå, 2019). Selain itu, terdapat juga partisipasi tidak konvensional yang melibatkan aktiviti-aktiviti yang tidak formal seperti demonstrasi, protes, dan pemboikotan. Walaupun tidak diinstitusikan secara rasmi, partisipasi tidak konvensional sering kali menjadi medium penting bagi rakyat untuk menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap kerajaan atau dasar tertentu. Dalam dunia yang semakin digital, partisipasi digital atau '*e-participation*' telah menjadi satu lagi bentuk partisipasi politik yang penting, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Penggunaan media sosial seperti Facebook, Twitter, dan Instagram telah membuka ruang baharu untuk rakyat menyuarakan pandangan politik mereka, terlibat dalam perbincangan politik, serta menggerakkan kempen secara dalam talian. Ini telah menjadi salah satu kaedah utama bagi belia di seluruh dunia untuk melibatkan diri dalam politik, kerana platform-platform ini memberikan akses mudah dan langsung kepada maklumat serta jaringan aktivisme politik (Theocharis & van Deth, 2016). Partisipasi politik juga boleh dilihat dari segi peringkat atau tahap penglibatan individu dalam proses politik. Partisipasi pasif melibatkan tindakan seperti mengikuti berita atau menghadiri ceramah politik tanpa penglibatan yang aktif dalam membuat keputusan politik. Sebaliknya, partisipasi aktif merujuk kepada penglibatan langsung dalam aktiviti politik seperti mengundi, menganjurkan kempen, atau menjadi ahli parti politik. Kedua-dua bentuk partisipasi ini penting dalam menilai tahap kesedaran dan keterlibatan politik seseorang individu dalam sesebuah negara (Ekman & Amnå, 2019).

BENTUK DAN FAKTOR PENGLIBATAN BELIA

Beberapa penyelidik atau sarjana telah membuat kajian berkaitan pilihan raya dan belia termasuk Zachara (2020), Sloam dan Henn (2019), Fernández Guzmán Grassi, Portos, dan Felicetti (2023), Juelich dan Coll (2020), Huttunen (2021), Carvalho et al. (2023), dan Vidzbelis dan Burneika (2023). Perbincangan mengenai pilihan raya dan belia ini merangkumi topik mengenai cabaran yang telah dihadapi oleh belia dalam bidang politik, penglibatan belia melalui parti politik, usaha rekayasa belia dalam pilihan raya di beberapa Negara serta belia dan pilihan raya dalam kerangka demokrasi.

Generasi milenium dan belia kontemporari merupakan kumpulan aktor politik yang tahap keterlibatannya dipengaruhi oleh faktor sosio-ekonomi, perkembangan teknologi, dan konteks ideologi yang berbeza-beza mengikut negara. Kajian Zachara (2020) mendapati bahawa generasi ini, khususnya di negara-negara Barat, menunjukkan tahap skeptisisme yang lebih tinggi terhadap institusi politik tradisional, namun tetap berupaya mempengaruhi dasar berkaitan kesejahteraan sosial seperti pendidikan dan alam sekitar. Dapatan ini selari dengan kajian Sloam dan Henn (2013), yang mencatatkan peningkatan partisipasi politik belia dalam Pilihan Raya Umum United Kingdom 2017, satu trend yang mencabar tanggapan umum bahawa generasi muda tidak peduli terhadap politik. Walau bagaimanapun, corak ini tidak seragam merentasi konteks negara; di Rusia, sebagai contoh, walaupun terdapat kumpulan belia yang aktif dalam gerakan protes anti-rasuah, majoriti belia masih menyokong kepimpinan sedia ada, mencerminkan gabungan antara aspirasi kesejahteraan sosial dan sokongan terhadap kestabilan politik.

Lebih jauh, sikap belia terhadap demokrasi juga bukanlah sesuatu yang statik atau unidimensional. Fernández Guzmán Grassi, Portos, dan Felicetti (2023) menolak naratif simplistik bahawa belia secara kolektif adalah golongan yang menolak demokrasi. Sebaliknya, kritikan mereka terhadap sistem demokrasi merupakan usaha reflektif untuk memperkukuh dan menuntut ketelusan serta akauntabiliti yang lebih tinggi. Gerakan Fridays for Future (FFF) di Finland, seperti yang dikaji oleh Huttunen (2021), membuktikan bahawa keterlibatan politik generasi ini masih tertumpu dalam kerangka demokrasi perwakilan, dengan pengundian dilihat sebagai mekanisme utama perubahan. Hal ini membantah anggapan bahawa protes dan aktivisme belia adalah manifestasi antipolitik, sebaliknya menunjukkan bahawa mereka menuntut perubahan dalam dasar, bukan sekadar menentang sistem yang sedia ada.

Selain itu, terdapat kekangan struktural yang turut menghalang penglibatan politik belia secara menyeluruh. Kajian Juelich dan Coll (2020) di Amerika Syarikat mendapati bahawa undang-undang pilihan raya yang lebih ketat memberi kesan yang lebih besar terhadap kadar kehadiran pengundi muda berbanding kumpulan usia lain, mencerminkan ketidakseimbangan struktur yang turut membataskan penyertaan generasi baharu. Di Portugal, kajian Carvalho et al. (2023) mendapati bahawa bias dalam penerimaan maklumat politik dalam kalangan belia berkait rapat dengan kebergantungan mereka terhadap naratif media, yang seterusnya mempengaruhi tingkah laku mengundi secara signifikan. Dapatan ini menunjukkan bahawa ketahanan politik generasi muda turut dipengaruhi oleh kualiti maklumat politik dan risiko disinformasi dalam persekitaran media semasa.

Dimensi geografi dan demografi juga memainkan peranan yang tidak boleh dikesampingkan dalam analisis politik belia. Vidzbelis dan Burneika (2023) membuktikan bahawa kehadiran pengundi muda di Lithuania tidak sekata, dengan kecenderungan lebih tinggi di pusat metropolitan seperti Vilnius dan Kaunas berbanding kawasan luar bandar. Ini mencerminkan fenomena global yang menunjukkan bahawa belia bandar lebih cenderung terlibat dalam proses politik, terutama apabila terdapat parti politik yang menawarkan wacana

yang selari dengan aspirasi mereka. Dinamik ini juga mengangkat persoalan penting tentang ketidakseimbangan politik antara pusat dan pinggiran serta bagaimana struktur sosioekonomi membentuk corak penyertaan belia dalam demokrasi.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini memperlihatkan bahawa generasi belia bukan sekadar objek dalam percaturan politik, tetapi merupakan subjek aktif yang mampu mengubah landskap politik dalam cara yang berbeza mengikut konteks masing-masing. Cabaran utama bukan sekadar memastikan mereka terlibat dalam politik, tetapi juga menangani rintangan struktural yang melemahkan keterlibatan mereka. Justeru, strategi untuk memperkukuh penyertaan politik belia harus mengambil pendekatan multidimensional iaitu bukan sahaja melalui pendidikan politik dan akses kepada maklumat yang bebas daripada bias, tetapi juga dengan memastikan bahawa sistem pilihan raya dan mekanisme demokrasi yang sedia ada tidak menjadi alat eksklusif yang menghambat suara generasi muda daripada membawa perubahan yang signifikan.

Dalam konteks Malaysia, kajian yang telah membincangkan mengenai pilihan raya dan belia dengan mengambil kira faktor demografi, partisipasi politik, sentimen, etnisiti dan ekonomi. Partisipasi politik belia dalam pilihan raya merupakan salah satu indikator utama dalam menilai tahap keberkesanan sistem demokrasi sesebuah negara. Di Malaysia, pelaksanaan Undi18 dan pendaftaran pemilih automatik telah membawa perubahan ketara dalam pola pengundian belia pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang berlangsung pada tahun 2022. Statistik rasmi daripada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia menunjukkan bahawa kadar keluar mengundi keseluruhan dalam PRU15 adalah 74.04%, dengan pengundi belia berumur 18–20 tahun mencapai peratusan kehadiran sekitar 75% hingga 80%, manakala golongan belia dalam lingkungan umur 21–39 tahun mencatatkan kadar penyertaan antara 65% hingga 70% (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia [SPR], 2023). Peratusan ini menunjukkan peningkatan berbanding PRU14 (2018), yang mencatatkan kadar penyertaan belia sekitar 70%–75% (SPR, 2023).

Walaupun terdapat peningkatan dalam penglibatan belia, masih terdapat segmen yang memilih untuk tidak turun mengundi. Dalam PRU15, daripada 21.17 juta pengundi berdaftar, sekitar 5.5 juta daripadanya adalah belia berumur 18–30 tahun (SPR, 2023). Namun, dengan kadar keluar mengundi keseluruhan sebanyak 74%, dianggarkan 1.43 juta belia tidak melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi. Perbandingan dengan PRU14 menunjukkan bahawa jumlah belia yang tidak mengundi ketika itu dianggarkan sekitar 1.2 juta, sekali gus mencerminkan peningkatan dalam kalangan pengundi yang tidak mengambil bahagian dalam proses pilihan raya (SPR, 2023). Beberapa penyelidik atau sarjana telah menjalankan kajian dan kupasan berkaitan pilihan raya dan belia termasuk Mohd Hed dan Grasso (2020), Yin et al. (2022), Esa dan Hashim (2017), Ismail et al. (2018), Mohd Mahadee Ismail et al. (2020, 2023) serta Mohd Fuad Mat Jali dan Junaidi Awang Besar (2012).

Dalam konteks Malaysia, partisipasi politik belia menunjukkan corak yang kompleks, dengan tarikan antara struktur politik konvensional dan aktivisme digital yang semakin berkembang. Kajian Mohd Hed dan Grasso (2020) mendapati bahawa belia Malaysia menunjukkan kecenderungan yang lebih rendah dalam penyertaan politik konvensional seperti pengundian, keanggotaan parti politik, dan penyertaan dalam kesatuan sekerja berbanding golongan lebih tua, satu dapatan yang menyokong tanggapan bahawa generasi ini lebih skeptikal terhadap keberkesanan mekanisme demokrasi konvensional. Walau bagaimanapun, dapatan yang sama turut mencabar tanggapan bahawa belia lebih cenderung kepada aktivisme tidak konvensional seperti pemboikotan, demonstrasi, dan petisyen, menunjukkan bahawa corak partisipasi politik belia tidak homogen dan dipengaruhi oleh faktor sosiodemografi serta konteks politik nasional. Dapatan turut menunjukkan bahawa

tahap pendidikan yang lazimnya dianggap sebagai pemangkin kepada partisipasi politik tidak mampu merapatkan jurang keterlibatan antara belia dan golongan lebih tua, yang mencadangkan kemungkinan wujudnya defisit kepercayaan yang lebih mendalam terhadap institusi politik sedia ada.

Penting untuk dijelaskan di sini bagaimana kajian ini berbeza serta memberi sumbangan tambahan berbanding kajian Mohd Hed dan Grasso (2020), yang turut meneliti partisipasi politik belia Malaysia secara terperinci menggunakan data tinjauan (*survey*) untuk membandingkan pola penyertaan konvensional dan tidak konvensional antara kumpulan umur. Kajian Mohd Hed dan Grasso (2020) memberi tumpuan khusus kepada perbandingan generasi (*age-group comparison*) berdasarkan data empirikal sedia ada. Sebaliknya, ulasan ini menyumbang dengan menggabungkan dapatan Mohd Hed dan Grasso (2020) bersama-sama literatur antarabangsa dan tempatan yang lebih luas, merangkumi dimensi digital/media sosial (Yin et al., 2022), faktor geografi luar bandar-bandar, serta perkembangan dasar terkini seperti Undi18 dan statistik rasmi PRU15, ke dalam satu kerangka konseptual bersepadu (*civic voluntarism* dan *political efficacy*) yang belum digunakan secara eksplisit dalam kajian-kajian tempatan sebelum ini. Jurang khusus yang cuba diisi oleh ulasan ini, dengan itu, adalah ketiadaan sintesis bersepadu merentasi dimensi konvensional, tidak konvensional, dan digital partisipasi politik belia Malaysia dalam satu kerangka teori yang koheren.

Dalam konteks pasca-Pilihan Raya Umum ke-14, Yin et al. (2022) mendapati bahawa media sosial memainkan peranan penting dalam menstruktur semula landskap politik digital di Malaysia, khususnya melalui konsep yang mereka istilahkan sebagai *rhizomorphic convergence mediascape*, iaitu rangkaian digital yang tidak berhierarki dan merentasi struktur politik konvensional. Struktur digital yang lebih terdesentralisasi ini membolehkan pergerakan politik belia berkembang dalam bentuk yang lebih fleksibel berbanding struktur *rigid* yang selama ini mendominasi aktivisme politik konvensional. Walau bagaimanapun, Yin et al. (2022) turut mendapati bahawa fenomena *rhizomatic anxiety* iaitu kewaspadaan berterusan terhadap kemungkinan kawalan dan tindakan institusi tetap membataskan keterlibatan belia dalam ruang politik. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun media digital menyediakan ruang pemberdayaan politik bagi belia, ia tidak sepenuhnya membebaskan mereka daripada risiko kawalan dan tekanan institusi dalam konteks politik Malaysia. Persoalan yang timbul daripada dapatan ini bukan sekadar bagaimana teknologi digital berfungsi sebagai alat mobilisasi politik, tetapi sejauh mana keberkesanannya dapat dikekalkan dalam persekitaran politik yang masih didominasi oleh struktur kawalan institusi sedia ada.

Selain daripada cabaran politik digital, penyertaan belia luar bandar dalam sistem demokrasi masih dipengaruhi oleh faktor kesedaran politik yang rendah serta keterbatasan akses kepada maklumat yang sahih dan berkualiti. Kajian Esa dan Hashim (2017) menegaskan bahawa faktor kesedaran memainkan peranan sebagai katalis utama dalam merangsang niat belia luar bandar untuk mengundi, di mana kempen kesedaran politik yang konsisten berpotensi meningkatkan keterlibatan mereka dalam pilihan raya. Namun, dapatan kajian juga membongkar realiti bahawa janji politik berasaskan kebajikan material semata-mata bukanlah strategi yang berkesan dalam menarik minat belia luar bandar, kerana mereka masih mengalami defisit keyakinan terhadap keupayaan sistem politik untuk membawa perubahan sebenar dalam kehidupan mereka. Lebih menarik, kajian ini memperdalam dialektik ini dengan mendedahkan bahawa dimensi jantina menjadi faktor pemoderasi dalam kesedaran politik, di mana belia perempuan lebih peka terhadap perkembangan politik berbanding rakan lelaki mereka. Situasi ini menandakan keperluan mendesak untuk pendekatan politik yang lebih bersasar dan kontekstual dalam usaha

memperkukuh partisipasi politik belia luar bandar agar mereka tidak sekadar menjadi pemerhati pasif dalam proses demokrasi negara.

Di sudut lain, Ismail et al. (2018) menyelidiki bagaimana persepsi pengundi belia terhadap parti politik dibentuk oleh faktor ruang dan keutamaan isu dalam konteks sosioekonomi. Dengan menggunakan analisis *Geographically Weighted Regression* (GWR), mereka mendapati bahawa isu ekonomi, kos sara hidup, dan kelestarian alam sekitar menjadi parameter utama dalam menentukan sokongan belia terhadap sesuatu parti politik, menandakan bahawa ideologi politik semata-mata bukan lagi penentu mutlak dalam keputusan mengundi. Kajian ini juga menunjukkan bahawa generasi muda tidak lagi terikat kepada kesetiaan parti yang diwarisi, tetapi lebih cenderung menilai keupayaan pemimpin dan keberkesanan dasar yang ditawarkan dalam menangani cabaran sebenar kehidupan seharian mereka. Selari dengan penilaian berasaskan isu dan prestasi ini, tinjauan yang dijalankan oleh Mohd Mahadee Ismail et al. (2023) semasa kempen PRU15 mendapati kira-kira 91% pengundi baharu menyatakan akan keluar mengundi dan mengutamakan calon yang berintegriti, bebas rasuah, menepati janji serta berpendidikan, sekali gus menyokong hujah bahawa pertimbangan generasi muda semakin kurang bergantung kepada unsur politik naungan. Dapatan ini seiring dengan kajian Mohd Fuad Mat Jali dan Junaidi Awang Besar (2012) yang merumuskan bahawa belia di Parlimen Muar menuntut agenda pembangunan yang lebih komprehensif merangkumi peluang pekerjaan yang lebih luas, akses internet yang lebih baik, serta dasar yang lebih progresif dalam menangani isu sosial dan alam sekitar. Walaupun mereka menunjukkan kecenderungan menyokong inisiatif kerajaan, keputusan mereka dalam pilihan raya didorong oleh faktor pragmatik iaitu sejauh mana pemimpin yang bertanding benar-benar memenuhi aspirasi dan keperluan mereka, bukannya sekadar bergantung kepada naratif populis yang bersifat kosmetik semata-mata.

Pelbagai kajian ini mengukuhkan hujah bahawa partisipasi politik belia Malaysia berada dalam fasa metamorfosis, di mana keterlibatan mereka tidak lagi dapat diukur secara linear atau dikategorikan dalam model partisipasi konvensional. Walaupun generasi ini semakin menjauhkan diri daripada politik tradisional, mereka masih berusaha membentuk ekosistem politik baharu yang lebih responsif dan reflektif terhadap realiti sosioekonomi semasa. Namun, cabaran utama yang membayangi perkembangan ini adalah jurang antara potensi dan realiti di mana meskipun media digital menyediakan ruang yang lebih terbuka untuk ekspresi politik, struktur politik sedia ada masih berfungsi sebagai tembok yang menghadkan impak sebenar suara belia dalam arus perdana. Oleh itu, masa depan politik Malaysia tidak hanya ditentukan oleh sejauh mana belia menyertai sistem yang ada, tetapi sejauh mana mereka dapat mendesak reformasi substantif yang berupaya membebaskan demokrasi daripada kekangan institusi yang regresif dan memastikan bahawa penyertaan politik mereka bukan sekadar simbolik, tetapi benar-benar membawa perubahan transformatif dalam hala tuju negara.

CABARAN POLITIK BELIA: FAKTOR PENYEBAB DAN HALANGAN

Persepsi negatif terhadap institusi politik merupakan salah satu cabaran utama yang menyumbang kepada '*political disengagement*' atau mengundur diri dari terlibat dalam politik oleh kalangan belia. Belia sering kali berpendapat bahawa institusi politik tidak memberikan mereka ruang untuk terlibat secara bermakna. Mereka merasakan bahawa sistem politik sedia ada tidak responsif kepada keperluan generasi muda dan hanya mengutamakan kepentingan golongan yang lebih berkuasa atau lebih berpengaruh. Pandangan ini diperkuatkan dengan persepsi bahawa politik tradisional, terutamanya melalui pilihan raya, tidak mampu membawa perubahan yang signifikan kepada isu-isu yang dihadapi oleh belia, seperti kos sara hidup, pekerjaan, dan perubahan iklim. Akibatnya, ramai belia memilih untuk

tidak terlibat dalam proses politik formal seperti mengundi atau menyertai parti politik. Sebaliknya, mereka lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam bentuk-bentuk politik yang alternatif, seperti aktivisme dalam talian atau pergerakan sosial yang lebih terbuka dan fleksibel.

Dalam kajian yang dilakukan terhadap belia di beberapa negara Eropah, didapati bahawa peratusan belia yang enggan mengundi semakin meningkat kerana mereka merasakan politik tidak lagi relevan dengan kehidupan mereka. Keadaan ini menyebabkan belia berasa terpinggir dari sistem politik, terutamanya apabila suara dan pandangan mereka sering kali tidak diambil serius oleh pemimpin politik. Akhirnya, disengagement ini mewujudkan jurang yang lebih besar antara belia dan institusi politik, sekali gus melemahkan kepercayaan belia terhadap keupayaan politik untuk menyelesaikan masalah sosial yang mereka hadapi.

Selain daripada persepsi negatif terhadap institusi politik, halangan psikologi turut memainkan peranan yang signifikan dalam menghalang penglibatan belia dalam politik. Ramai belia merasakan bahawa penglibatan mereka tidak akan membawa perubahan kepada sistem politik yang dilihat terlalu sukar untuk diubah. Kepercayaan bahawa satu undi mereka tidak akan membawa kesan langsung kepada keputusan politik menyebabkan belia berasa terasing daripada proses politik. Hal ini menimbulkan apa yang dikenali sebagai '*political apathy*', di mana belia tidak berminat untuk melibatkan diri secara aktif dalam politik walaupun mereka sedar akan isu-isu politik semasa.

Halangan psikologi ini turut diperkuatkan oleh kegagalan sistem pendidikan dan media massa dalam memberi pendedahan yang bermakna kepada belia tentang peranan mereka dalam politik (Zhang, 2022). Sebaliknya, belia lebih banyak terdedah kepada berita-berita negatif tentang politik, seperti skandal rasuah dan kegagalan kerajaan, yang menambahkan lagi rasa tidak percaya mereka terhadap keupayaan politik untuk membawa perubahan. Dalam konteks ini, belia lebih memilih untuk menjadi penonton pasif dalam proses politik berbanding menjadi peserta aktif yang terlibat dalam membuat keputusan politik.

Walaupun terdapat '*political disengagement*' dalam kalangan belia terhadap politik tradisional, mereka tidak sepenuhnya menarik diri daripada aktiviti politik. Sebaliknya, terdapat kemunculan bentuk-bentuk politik baharu yang lebih fleksibel dan relevan dengan kehidupan harian belia. Bentuk politik seperti aktivisme dalam talian, politik identiti, dan kempen berasaskan isu semakin popular dalam kalangan belia. Dalam konteks ini, belia lebih memilih untuk melibatkan diri dalam isu-isu yang dekat dengan kehidupan mereka seperti keadilan sosial, perubahan iklim, dan hak asasi manusia, berbanding terlibat secara langsung dalam pilihan raya atau parti politik.

Kajian menunjukkan bahawa belia lebih cenderung terlibat dalam politik melalui medium digital seperti media sosial kerana ia memberikan mereka kebebasan untuk mengekspresikan pendapat tanpa halangan formal yang terdapat dalam politik tradisional (Zhang, 2022). Di samping itu, platform digital juga membolehkan belia untuk menggerakkan kempen dan menyertai perbincangan politik secara lebih pantas dan efisien. Namun, ruang digital juga membawa risiko terhadap kualiti maklumat politik iaitu analisis terhadap PRU-14 menunjukkan penyebaran berita palsu di media sosial boleh menjejaskan kebolehpercayaan sumber maklumat dan mendorong respons kerajaan (Dzulpadzli Shaarin et al., 2025), sekali gus menjadi halangan baharu kepada partisipasi demokratik yang berasaskan maklumat sahih. Fenomena ini bukan sahaja memberi peluang kepada belia untuk menyuarakan pandangan mereka, tetapi juga untuk mempengaruhi keputusan politik dengan cara yang tidak formal dan lebih dinamik.

Faktor sosio-ekonomi memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penglibatan belia dalam politik. Kelas sosial dan tahap pendidikan adalah dua faktor utama yang mempengaruhi sejauh mana seseorang belia itu terlibat dalam proses politik. Kajian menunjukkan bahawa belia dari latar belakang sosio-ekonomi rendah lebih sukar untuk melibatkan diri dalam politik disebabkan oleh kekurangan sumber kewangan, kurangnya akses kepada pendidikan politik yang formal, serta jaringan politik yang terhad (Grasso & Giugni, 2022). Belia yang datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah sering kali perlu mengutamakan keperluan ekonomi mereka, seperti mencari pekerjaan dan menyara keluarga, daripada terlibat secara aktif dalam politik (Esa & Hashim, 2017; Nurfarahin Esa, 2022).

Di kawasan luar bandar, cabaran ini lebih ketara apabila belia sukar mendapat akses kepada maklumat politik yang penting serta tidak mempunyai platform yang sesuai untuk menyuarakan pandangan mereka. Hal ini menyebabkan jurang yang ketara antara belia di bandar dan luar bandar dalam aspek keterlibatan politik (Esa dan Hashim, 2017). Kajian juga mendapati bahawa belia yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi cenderung untuk terlibat secara lebih aktif dalam politik kerana mereka lebih terdedah kepada pengetahuan tentang proses politik dan mempunyai akses yang lebih baik kepada sumber-sumber yang boleh menyokong penglibatan politik mereka. Sebaliknya, belia yang kurang berpendidikan sering kali merasakan bahawa politik adalah sesuatu yang tidak relevan atau terlalu kompleks untuk mereka.

Satu lagi cabaran besar yang dihadapi oleh belia dalam politik ialah tekanan dari pihak berkuasa serta dasar yang menyekat hak-hak politik mereka. Banyak negara, termasuk Malaysia, mempunyai undang-undang yang mengehadkan kebebasan belia untuk terlibat dalam aktiviti politik formal, seperti had umur mengundi yang sebelum ini ditetapkan pada 21 tahun sebelum pindaan Undi18 (Perlembagaan Persekutuan [Pindaan], 2019; Saidin dan Azrun, 2025). Walaupun pindaan Undi 18 di Malaysia pada tahun 2021 telah membuka ruang kepada lebih ramai belia untuk terlibat dalam politik melalui proses pengundian, namun masih terdapat dasar-dasar lain yang menghalang penglibatan belia secara lebih aktif.

Sebagai contoh, undang-undang yang mengehadkan kebebasan berhimpun dan kebebasan bersuara sering kali digunakan untuk menyekat aktiviti politik belia, terutamanya apabila aktiviti tersebut dilihat sebagai ancaman kepada kestabilan politik negara (Akta Perhimpunan Aman 2012 [Akta 736]; Khoo, 2016). Dalam beberapa kes, belia yang terlibat dalam protes atau demonstrasi politik telah dikenakan tindakan undang-undang, yang akhirnya menjejaskan semangat mereka untuk terus aktif dalam politik. Situasi ini menyebabkan ramai belia lebih memilih untuk melibatkan diri dalam aktiviti politik tidak formal seperti aktivisme dalam talian, yang memberikan mereka ruang yang lebih selamat dan fleksibel untuk menyuarakan pandangan mereka. Halangan dasar ini tidak hanya menyebabkan belia kehilangan motivasi untuk melibatkan diri dalam politik formal, tetapi juga mengekalkan jurang antara belia dan proses politik yang lebih meluas.

LIMITASI KAJIAN

Sebagai satu ulasan literatur naratif, kajian ini tertakluk kepada beberapa limitasi metodologi yang perlu diambil kira semasa mentafsir dapatan yang dibincangkan. Pertama, dari segi skop temporal, ulasan ini memberi tumpuan utama kepada konteks Malaysia pasca-PRU14 (2018) hingga PRU15 (2022), dengan perbandingan literatur antarabangsa yang dipilih secara selektif; dapatan mungkin tidak dapat digeneralisasikan sepenuhnya kepada konteks pilihan raya sebelum tempoh tersebut atau kepada peringkat pilihan raya negeri.

Kedua, oleh kerana kajian ini bergantung sepenuhnya kepada sumber sekunder, terdapat potensi *bias* pemilihan sumber, khususnya kecenderungan terhadap literatur berbahasa Inggeris dan Bahasa Melayu yang mudah diakses dalam talian, yang mungkin meminggirkan perspektif daripada penerbitan tempatan yang tidak terindeks dalam pangkalan data akademik utama.

Ketiga, kebergantungan kepada statistik rasmi SPR dan kajian tinjauan sedia ada bermakna ulasan ini tidak dapat mengesahkan secara bebas ketepatan data asal, sebaliknya bergantung kepada integriti pelaporan sumber primer berkenaan. Akhir sekali, kerana sifatnya sebagai sintesis konseptual dan bukan kajian empirikal baharu, cadangan dasar yang dibincangkan dalam Bahagian Kesimpulan perlu disahkan lebih lanjut melalui kajian lapangan misalnya temu bual atau tinjauan sebelum digunakan sebagai asas rumusan dasar yang muktamad.

KESIMPULAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah membahaskan cabaran utama yang dihadapi oleh belia dalam partisipasi politik, terutamanya dalam konteks pilihan raya di Malaysia. Melalui analisis yang mendalam, jelas bahawa persepsi negatif terhadap institusi politik, halangan psikologi, serta kemunculan bentuk politik baharu seperti aktivisme dalam talian, memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penglibatan politik dalam kalangan belia. Di samping itu, faktor sosio-ekonomi dan tekanan daripada pihak berkuasa turut menjadi penghalang utama kepada keterlibatan belia dalam politik formal. Penglibatan belia dalam politik, khususnya melalui proses pilihan raya, adalah sangat penting untuk memastikan masa depan politik negara yang lebih inklusif dan responsif kepada keperluan generasi muda. Walau bagaimanapun, cabaran-cabaran seperti kekurangan sumber kewangan, kurangnya pendidikan politik yang efektif, serta kekangan masa dan komitmen, membatasi potensi belia untuk terlibat secara lebih aktif dalam politik. Pada masa yang sama, dasar dan undang-undang yang menyekat kebebasan politik belia juga mengurangkan ruang untuk mereka menyuarakan pandangan mereka dalam sistem politik yang formal.

Dalam menghadapi cabaran ini, dan selaras dengan dimensi sumber, motivasi psikologi, serta rangkaian rekrutmen yang dibincangkan melalui kerangka *civic voluntarism* dalam bahagian-bahagian sebelum ini, adalah penting bagi kerajaan, institusi pendidikan, serta parti-parti politik untuk merangka dasar yang lebih inklusif dan terbuka bagi melibatkan belia secara bermakna dalam politik. Inisiatif seperti pendidikan politik di peringkat sekolah, program bimbingan politik, serta platform digital yang lebih mesra belia boleh membantu mengurangkan jurang antara belia dan sistem politik sedia ada. Di samping itu, pembaharuan dalam struktur parti politik dan pengurangan sekatan kebebasan politik juga dapat meningkatkan keyakinan belia terhadap institusi politik. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa untuk memastikan masa depan politik yang lebih inklusif, usaha yang lebih menyeluruh dan bersepadu diperlukan untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh belia dalam partisipasi politik. Penglibatan belia bukan sahaja penting untuk mengukuhkan demokrasi, tetapi juga untuk memastikan bahawa dasar-dasar yang dirumuskan mencerminkan keperluan dan aspirasi generasi muda yang akan menjadi pemimpin masa depan negara.

RUJUKAN

Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736). Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan Malaysia.

Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan Malaysia.

ASEAN Secretariat. 2023. *ASEAN Youth Development Index 2020*. Jakarta: ASEAN Secretariat. Diakses pada 12 Disember 2024. https://asean.org/wp-content/uploads/2023/06/4thVERSION_22313_ASEAN-YDI-Report_Spreads-LQ_23Jun23.pdf

Carvalho, B.P., et al. 2023. Information, perceptions, and electoral behaviour of young voters: A randomised controlled experiment. *Electoral Studies* 84: 102625. doi: 10.1016/j.electstud.2023.102625.

Dalton, R.J. 2020. *The Good Citizen: How a Younger Generation Is Reshaping American Politics*. CQ Press.

Dzulpadzli Shaarin, Daud, S. & Mustaffa, N. 2025. Respons kerajaan terhadap penyebaran berita palsu di media sosial semasa Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 52(3): 376–392.

Ekman, J. & Amnå, E. 2019. *Political Participation and Civic Engagement: Towards a New Typology*. Palgrave Macmillan.

Esa, N.B. & Hashim, R.B. 2017. Identifying the influence factors on the intention to vote among youths in rural areas. *Journal of Political Sciences & Public Affairs* 5(4). doi: 10.4172/2332-0761.1000292.

European Commission. 2018. *EU Youth Strategy 2019–2027: Engaging, Connecting and Empowering Young People*. Brussels: European Union.

Farrell, D. 2019. *Electoral Systems: A Comparative Introduction*. Palgrave Macmillan.

Fernández Guzmán Grassi, E., Portos, M. & Felicetti, A. 2023. Young people's attitudes towards democracy and political participation: Evidence from a cross-European study. *Government and Opposition*: 1–23. doi: 10.1017/gov.2023.16.

Fry, R. 2012. Record shares of young adults have finished both high school and college. *Pew Research Center's Social & Demographic Trends Project*. Diakses pada 10 Disember 2024. http://www.pewsocialtrends.org/2012/11/05/record-shares-of-young-adults-havefinished-both-high-school-and-college/

Geiger, A. 2019. Defining generations: Where Millennials end and Generation Z begins. Diakses pada 11 Disember 2024. https://www.pewresearch.org/short-reads/2019/01/17/where-millennials-end-and-generation-z-begins/

Grasso, M.T. 2016. *Generations, Political Participation and Social Change in Western Europe*. London, New York: Routledge.

Grasso, M. & Giugni, M. 2022. Intra-generational inequalities in young people's political participation in Europe: The impact of social class on youth political engagement. *Politics* 42(1): 13–38. doi: 10.1177/02633957211031742.

Grofman, B. 2016. Perspectives on the comparative study of electoral systems. *Annual Review of Political Science* 19: 523–540. doi: 10.1146/annurev-polisci-020614-092344.

Huttunen, J. 2021. Young rebels who do not want a revolution: The non-participatory preferences of Fridays for Future activists in Finland. *Frontiers in Political Science* 3. doi: 10.3389/fpos.2021.672362.

Instituto Português do Desporto e Juventude. 2018. *Youth Policy Framework*.

Ismail, N., et al. 2018. Voters' perception towards political party: A geospatial case study of young voters in Johor Bahru. *ISPRS - International Archives of the Photogrammetry, Remote Sensing and Spatial Information Sciences* XLII-4/W9: 325–337. doi: 10.5194/isprs-archives-xlii-4-w9-325-2018.

Juelich, C.L. & Coll, J.A. 2020. Rock the vote or block the vote? How the cost of voting affects the voting behavior of American youth: Part of special symposium on election sciences. *American Politics Research* 48(6): 719–724. doi: 10.1177/1532673X20920265.

Khoo, Y.H. 2016. Malaysia's 13th general elections and the rise of the electoral reform movement. *Asian Politics & Policy* 8(3): 418–435. doi: 10.1111/aspp.12260.

Kitanova, M. 2020. Youth political participation in the EU: Evidence from a cross-national analysis. *Journal of Youth Studies* 23(7): 819–836. doi: 10.1080/13676261.2020.1733496.

Lijphart, A. 2012. *Patterns of Democracy: Government Forms and Performance in Thirty-Six Countries*. Yale University Press.

Ministry of Education and Culture Finland. 2020. *National Youth Work and Youth Policy Programme 2020–2023: Aiming to Ensure a Meaningful Life and Social Inclusion for All Young People*. Helsinki: Ministry of Education and Culture. Diakses daripada https://urn.fi/URN:ISBN:978-952-263-887-8

Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2012. Pendapat dan keperluan generasi muda di kawasan Parlimen Muar, Johor. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 7(1): 50–63.

Mohd Hed, N. & Grasso, M.T. 2020. Age group differences in political activism in Malaysia. *Journal of Youth Studies* 23(6): 765–779. doi: 10.1080/13676261.2019.1636948.

Mohd Mahadee Ismail, Azlina Abdullah, Nor Azlili Hassan & Mohd Sabri Md Nor. 2020. Perkembangan politik era Malaysia baharu: Pandangan eksklusif belia terpelajar. *AKADEMIKA* 90(1): 161–173.

Mohd Mahadee Ismail, Zatul Himmah Adnan & Mohd Sobhi Ishak. 2023. Kecenderungan pengundi baharu dalam pilihan raya umum ke-15. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 50(2): 224–240.

National Youth Council Singapore. 2024. What is the definition of a youth in Singapore? Diakses daripada https://ask.gov.sg/nyc/questions/cmdq31uge025136wpob4j9yn1

Nurfarahin Esa. 2022. Identifying the influence factors on the intention to vote among youths in rural areas. *Journal of Humanities and Social Sciences* 10(2): 233–250. doi: 10.24368/johass.2022.1002.

Office for National Statistics (ONS). 2023. Youth age groups: Breakdown of age groups 13 to 29 years and 16 to 29 years by sex, regions, and education status in the UK. Diakses pada 11 Disember 2024. https://www.ons.gov.uk/peoplepopulationandcommunity/populationandmigration/populationestimates/adhocs/010127youthagegroupsbreakdownofagegroups13to29yearand16to29yearsbysexregionsandeducationstatusinuk

Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2019. Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan Malaysia.

Pirkkalainen, P. & Husu, H.-M. 2020. Becoming politically active: Life courses and the formation of capitals among young people of migrant origin in Finland. *Nordic Journal of Migration Research* 10(3): 41–55. doi: 10.33134/njmr.249.

Republik Indonesia. 2009. *Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2009 tentang Kepemudaan*. Jakarta: Sekretariat Negara.

Saidin, M.I.S. & Azrun, N. 2025. Barriers to youth political participation: Insights from Malaysia's lowered voting age policy (Undi18) in the 15th General Election. *Cogent Social Sciences* 11(1): 2491710. doi: 10.1080/23311886.2025.2491710.

Sloam, J. 2016. Diversity and voice: The political participation of young people in the European Union. *British Journal of Politics and International Relations* 18(3): 521–537. doi: 10.1177/1369148116647176.

Sloam, J. & Henn, M. 2019. Youthquake: Young people and the 2017 general election. In *Youthquake 2017*. Cham: Springer International Publishing: 91–115.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). 2023. *Statistik Pengundi PRU15*. Laporan rasmi SPR Malaysia.

Theocharis, Y. & van Deth, J.W. 2016. *Political Participation in a Changing World: Conceptual and Empirical Challenges in the Study of Citizen Engagement*. Routledge.

United Nations. 2020. *Youth Definition 2020*. Diakses pada 11 Disember 2024. https://www.un.org/esa/socdev/documents/youth/fact-sheets/youth-definition.pdf

Verba, S., Schlozman, K.L. & Brady, H.E. 2018. *Voice and Equality: Civic Voluntarism in American Politics*. Harvard University Press.

Vidzbelis, D. & Burneika, D. 2023. Spatial analysis of Lithuanian youth turnout: Results of 2016–2020 parliamentary elections. *Geographia Polonica* 96(2): 259–278. doi: 10.7163/gpol.0255.

Wahyuningroem, S.L., Sirait, R., Uljanatunnisa, U. & Heryadi, D. 2024. Youth political participation and digital movement in Indonesia: The case of #ReformasiDikorupsi and #TolakOmnibusLaw. *F1000Research* 12: 543. doi: 10.12688/f1000research.122669.3.

Wallace, C. & Bendit, R. 2009. Youth policies in Europe: Towards a classification of different tendencies in youth policies in the European Union. *Perspectives on European Politics and Society* 10(3): 441–458. doi: 10.1080/15705850903105868.

Yin, J.L.B., et al. 2022. The digital rhizomorph: Understanding online youth political participation post Malaysia's GE14. *Sojourn (Singapore)* 37(2): 320–351. doi: 10.1355/sj37-2e.

Zachara, M. 2020. To vote or not to vote? The political orientations of Millennials in a comparative perspective. *Society and Economy* 42(3): 229–244. doi: 10.1556/204.2020.00016.

Zhang, W. 2022. Political disengagement among youth: A comparison between 2011 and 2020. *Frontiers in Psychology* 13: 809432. doi: 10.3389/fpsyg.2022.809432.

PENULIS DAN MAKLUMAT PENULIS

Muhammad Ferhad Azuar (corresponding author)
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
MALAYSIA
E-Mail: p120335@siswa.edu.my

Prof Dr Kartini Aboo Talib @ Khalid
Chair of Malaysian Studies, Victoria University of Wellington
Principal Fellow, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Research Fellow, Faculty of Arts & Social Sciences, Universiti Malaya
E-Mail: k_kartini@ukm.edu.my